

# Faktor Pemilihan Tadika Swasta Islamik oleh Ibu Bapa: Satu Kajian Kes di Daerah Marang, Terengganu

**BITARA**Volume 3, Issue 3, 2020: 49-64  
© The Author(s) 2020  
e-ISSN: 2600-9080  
<http://www.bitarajournal.com>

## [Factors of Choosing Islamic Preschool by Parents: A Case Study in Marang, Terengganu]

Syarifah Rahimah Tuan A. Rahman<sup>1</sup> & Aliza Alias<sup>2</sup>

### Abstrak

Terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi ibu bapa dalam memilih tadika untuk anak-anak, seperti kurikulum yang ditawarkan, kos yuran, mobiliti serta kemampuan untuk menghantar anak-anak mereka ke tadika atau prasekolah tersebut, hubungan baik yang sedia wujud dan lain-lain. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti faktor ibu bapa di Daerah Marang, Terengganu memilih tadika swasta Islamik bagi memenuhi keperluan pendidikan prasekolah anak-anak. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif digunakan melalui reka bentuk kajian kes. Sampel dalam kajian ini adalah 3 informan ibu bapa yang menghantar anak-anak ke Tadika PASTI di daerah Marang, Terengganu. Data deskriptif yang telah ditranskripsi dianalisis melalui analisis perbualan Jefferson System. Kajian ini mengumpulkan maklumat-maklumat mengenai faktor pemilihan tadika prasekolah ibu bapa khususnya bagi ibu bapa yang mementingkan pendidikan prasekolah Islam untuk dilalui oleh anak-anak. Hasil kajian ini boleh menyumbang kepada maklumat-maklumat mengenai kelebihan-kelebihan tadika prasekolah melalui senarai tema yang timbul di akhir kajian dari segi faktor pendidikan di awal usia, khidmat transit, khidmat nurseri, pendidikan Islamik, guru berpengalaman dan yuran yang berpatutan. Tema-tema akhir yang didapati dalam kajian ini boleh mencetuskan kecenderungan ibu bapa dalam memilih prasekolah untuk anak-anak. Kesimpulannya, kajian ini diharapkan dapat membantu memenuhi kosa ilmu dari segi faktor pemilihan prasekolah oleh ibu bapa, kepelbagaiantadika-tadika prasekolah yang terdapat di Malaysia, kelebihan-kelebihan prasekolah khususnya prasekolah yang bercirikan Islamik di Malaysia dan lain-lain lagi.

### Kata kunci:

pemilihan tadika, prasekolah, pendidikan awal kanak-kanak, ibu bapa, Islamik

### Abstract

There are many factors that influence parents in choosing kindergartens for children, such as the curriculum offered, fees, mobility and the ability to send their children to the kindergarten or preschool, existing good relationships and so on. This study aimed to identify the factors of parents in Marang district, Terengganu selected Islamic private kindergartens to meet the educational needs of preschool children. This study uses a qualitative approach through case study design. The sample in this study were 3 parents informants who sent their children to the Kindergarten in Marang district, Terengganu. The transcribed descriptive data were analyzed through Jefferson System conversation

<sup>1</sup> Kolej al-Quran Terengganu, Terengganu, Malaysia.

<sup>2</sup> Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.

### Corresponding Author:

ALIZA ALIAS, Pusat Kepelbagaiantadika, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi Selangor, MALAYSIA. E-mail: eliza@ukm.edu.my

analysis. This study gathers information on the factors of choosing a preschool especially for parents who care about pre-school Islamic education for their children. The results of this study can contribute to the information on the benefits of preschool through the list of themes that come up at the end of the study in terms of early childhood education factors, transit services, nursery services, Islamic education, experienced teachers and reasonable fees. The final themes found in this study can trigger parents' tendency to choose preschool for children. In conclusion, this study is expected to help fill the knowledge in terms of preschool selection factors, the variety of preschool available in Malaysia, the benefits of preschools especially preschools that are Islamic in Malaysia and more.

**Keywords:**

kindergarten selection, preschool, early childhood education, parenting, Islamic

**Cite This Article:**

Syarifah Rahimah Tuan A. Rahman & Aliza Alias. 2020. Faktor pemilihan tadika swasta Islamik oleh ibu bapa: Satu kajian kes di Daerah Marang, Terengganu. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 3(3): 49-64.


## Pengenalan

Pendidikan pra sekolah menjadi semakin penting bagi menyediakan kanak-kanak yang berumur dari lima hingga enam tahun kepada suasana persekolahan. Pendidikan kepada kanak-kanak di awal usia terutamanya di peringkat pra sekolah penting bagi menghasilkan perkembangan yang sempurna pada masa depan. Pendidikan pra sekolah tidak semata-mata berfungsi untuk kestabilan emosi dan pertumbuhan sosial kanak-kanak sahaja tetapi juga aspek-aspek lain. Ibu bapa perlu membuat pertimbangan yang wajar sebelum memilih pra sekolah untuk anak-anak. Tugas mengasuh anak-anak akan menjadi lebih mencabar kepada ibu bapa yang dua-dua keluar bekerja pada hal mereka bertanggungjawab memikul tugas tersebut sepenuhnya. (Azizi Yahya, 2018).

Kementerian Pelajaran Malaysia menyediakan pelbagai pendidikan prasekolah untuk membolehkan kanak-kanak berumur empat hingga enam tahun memasuki persekolahan dengan lebih awal. Institusi-institusi prasekolah ini dikelolakan oleh agensi-agensi tertentu seperti KEMAS, Felda, Darul-Arqam, Pertiwi, Persatuan Tadika Malaysia, Polis Diraja Malaysia dan tadika-tadika persendirian. Semua institusi prasekolah ini mempunyai misi, visi, dan objektifnya yang tersendiri. Pendidikan yang diberikan ialah menyediakan kanak-kanak bagi meneruskan perkembangan yang lebih sihat. Oleh itu, dapatlah kanak-kanak menyesuaikan diri mereka bagi mengambil peranan yang lebih berkesan ketika memasuki sekolah kelak.

Alam persekitaran kanak-kanak yang mengikuti prasekolah merangkumi keadaan sekeliling dan rumah tangga yang menjadi faktor utama dalam memupuk serta mendorong perkembangan kanak-kanak secara menyeluruh dan seimbang. Bagi mencapai maksud perkembangan yang menyeluruh dan seimbang tersebut, ibu bapa bertanggungjawab untuk menghantar anak-anak yang berumur empat hingga enam tahun ke pra sekolah pilihan yang merangkumi jaminan keselesaan, keselamatan dan penuh kasih sayang. Namun begitu, terdapat pelbagai faktor oleh ibu bapa dalam aspek pemilihan tadika untuk anak-anak. Faktor pemilihan tadika oleh ibu bapa pada hari ini juga mengambil kira kemudahan logistik, kos yuran yang murah, kemudahan transit dan sebagainya. Bagi memastikan pemilihan tadika untuk anak-anak menepati kehendak ibu bapa, mengenakan kos yuran yang berpatutan dan memberi kemudahan ke pada ibubapa untuk menghantarnya, ibu bapa perlu membuat pertimbangan terhadap tadika yang akan dipilih.

## Kerangka Konsep



Carta 1 : Kerangka Konsep

## Penyataan Masalah

Ibu bapa memainkan peranan penting dalam pemilihan tadika atau pra sekolah untuk anak-anak mereka. Mereka inginkan yang terbaik dalam pendidikan anak-anak mereka. Oleh kerana itu, terdapat pelbagai faktor yang akan mempengaruhi mereka seperti kurikulum yang ditawarkan, kos yuran, mobiliti serta kemampuan ibubapa untuk menghantar anak-anak mereka ke tadika atau prasekolah tersebut, hubungan baik yang sedia wujud dan lain-lain.

Terdapat tadika yang mengenakan yuran tahunan dan bulanan yang berpatutan. Menurut Safiek (2019), kajian dilaksanakan dengan melakukan temubual bersama ibubapa dan majoriti ibu bapa berpuas hati dengan kos yuran yang dikenakan oleh tadika pilihan. Di samping itu,

terdapat tadika yang menyediakan pelbagai pakej kos yuran yang boleh dipilih oleh ibu bapa seperti kos yuran untuk prasekolah separuh hari atau pra sekolah bersama transit. Menurut Lily dan Azman (2013), kemudahan sebegini menyenangkan ibu bapa yang bekerja untuk memilih prasekolah bersama transit ataupun ingin menghantar anak mereka untuk waktu persekolahan sahaja. Perkhidmatan transit untuk anak-anak prasekolah sangat membantu ibu bapa yang bekerja selama sembilan jam dalam satu hari iaitu daripada pukul 8.00 pagi hingga ke 5.00 petang (waktu pejabat). Namun begitu, ibu bapa masih meneliti kos yuran yang berpatutan bagi tujuan tersebut.

Komunikasi sesama jiran berkaitan pelbagai isu akan mengakibatkan mereka memberi pendapat tentang tadika yang terbaik untuk anak-anak mereka. Menurut kajian Sofia, Kamarul dan Akmaliza (2019), kebanyakan ibu bapa mengesyorkan tadika yang berdekatan dengan kawasan kejiranan mereka. Faktor keselamatan menjadi hal penting di samping sama ada tadika atau prasekolah berdaftar dengan pihak berwajib. Di samping itu, tadika dan prasekolah yang mudah dan berada di banyak lokasi turut menjadi pilihan para ibu bapa di dalam kawasan komuniti. Secara tidak langsung, ini menunjukkan bahawa tadika yang mempunyai banyak cawangan mendapat kepercayaan untuk dipilih oleh sesetengah ibubapa sebagai pusat prasekolah untuk anak-anak.

Aspek kemudahan ibu bapa untuk menghantar anak-anak ke tadika atau pra sekolah juga adalah faktor yang dipertimbangkan oleh ibu bapa ketika menghantar anak-anak ke prasekolah. Menurut Hamid (2017) kebanyakan ibu bapa bekerja atau perlu meneliti waktu rehat pejabat mereka untuk mengambil anak-anak pulang dari tadika atau prasekolah. Ibu bapa juga turut memikirkan jarak rumah atau pejabat dengan lokasi tadika atau prasekolah anak-anak mereka. Selain itu, ibu bapa mengambil kemudahan servis pengangkutan anak-anak mereka untuk balik ke rumah. Jika ini berlaku, ibu bapa perlu meneliti dari aspek keselamatan, adakah kenderaan yang digunakan oleh pemandu selamat, mengenali pemandu pengangkutan tersebut, serta van tersebut perlu mempunyai insurans kenderaan.

Pengetahuan yang sedia ada pada ibu bapa terhadap proses pengajaran dan pembelajaran bentuk serta kurikulum guru di sekolah juga salah satu faktor pemilihan tadika prasekolah yang dibuat oleh ibu bapa untuk anak-anak mereka. Hal ini disebabkan oleh peranan serta tanggungjawab ibu bapa dalam usaha mendidik anak-anak amat besar dan mempunyai kesan langsung terhadap proses pembelajaran dan pengajaran kepada anak-anak di rumah. Walau bagaimanapun, ketidaksinambungan pendidikan di rumah dengan pendidikan di sekolah boleh merencatkan perkembangan anak-anak sama ada dalam aspek kognitif, psikomotor mahupun afektif (Mohd Nazri Abdul Rahman, 2014). Ibu bapa pada hari seolah-olah ini menyerahkan tugas mendidik dan mengajar anak-anak mereka kepada pusat pendidikan awal kanak-kanak, ini menyebabkan penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran anak-anak berada pada tahap sederhana sahaja (Irma Yanti Mahamud, Norliza Che Hasan & Fathiyyah Mohd Fakhruddin, 2018).

Kajian Marhamah Abdul Rahman (2019) mengetengahkan faktor kurikulum PASTI adalah penyebab pemilihan Tadika PASTI oleh ibu bapa bagi menjalankan tanggungjawab memberikan pendidikan awal kanak-kanak. Kajian Marhamah juga mencadangkan beberapa langkah yang sesuai untuk membantu ibu bapa dalam meningkatkan pengetahuan tentang pendidikan kurikulum PASTI seterusnya diaplikasikan ke atas kanak-kanak yang berusia seawal empat tahun. Selain daripada itu, daptan kajian itu akan membolehkan pihak-pihak yang terlibat secara langsung dengan kurikulum PASTI khususnya pihak sekolah dan pihak guru PASTI untuk membantu mengaplikasikan kurikulum PASTI di rumah dan meningkatkan pengetahuan terhadap kurikulum PASTI.

## Objektif

Kajian ini bertujuan untuk mencapai objektif mengenal pasti faktor pemilihan tadika swasta Islamik oleh ibu bapa di Marang, Terengganu untuk memenuhi keperluan pendidikan prasekolah anak-anak.

## Metodologi

Pendekatan kualitatif yang digunakan di dalam kajian ini adalah melalui reka bentuk kajian kes. Kajian kes adalah satu kajian yang melibatkan sesuatu kes atau sesebuah tempat yang tertentu atau khusus. Kajian kes juga bermaksud pencerapan terhadap sesuatu fenomena yang khusus bagi seseorang individu atau kumpulan individu tertentu. Kajian kes dibuat untuk meneroka, membuat penemuan serta interpretasi dan bukannya untuk menguji hipotesis (Ghazali Darusalam & Sufean Hussin, 2016). Kaedah kajian kes ini adalah bertujuan bagi mengenal pasti faktor ibu bapa di Daerah Marang, Terengganu memilih tadika swasta islamik untuk memenuhi keperluan pendidikan prasekolah anak-anak.

Teknik pemilihan sampel yang digunakan di dalam kajian ini ialah teknik '*snow ball*' seperti yang dicadangkan oleh Patton (1990) iaitu strategi yang baik untuk mengenal pasti sampel kajian sebenar bermula dengan seorang sampel kemudian menambah bilangan sampel sehingga mencukupi untuk mendapatkan maklumat atau data yang maksimum. Dalam kajian ini, seorang ibu telah dipilih sebagai informan pertama untuk ditemu bual, kemudian bilangan informan ditambah berdasarkan cadangan daripada informan pertama. Langkah itu diulang sehingga mencapai bilangan informan yang dikehendaki. Jenis sampel yang digunakan di dalam kajian ini ialah sampel *purposive*. Creswell (2008) menyatakan bahawa pemilihan sampel *purposive* dalam kajian kualitatif adalah sesuai kerana sampel yang dipilih mempunyai maklumat yang ingin diketahui oleh penyelidik. Ia juga bertujuan mengetahui perkembangan serta perjalanan tentang sesuatu fenomena di lokasi kajian.

Sampel bermaklumat melibatkan informan-informan yang didapati mempunyai maklumat dan hujah yang tersendiri mengenai faktor pemilihan tadika swasta islamik oleh ibu bapa. Sampel mudah diperoleh merujuk kepada informan kajian dari dalam kalangan ibu bapa mudah untuk diperoleh kerana bantuan teknik '*snow ball*' yang digunakan di dalam kajian ini. Sampel yang mempunyai pengalaman dalam kajian ini bermaksud informan kajian ditemubual berdasarkan pengalaman yang dilalui sendiri oleh mereka. Tiada peraturan yang khusus bagi menentukan jumlah atau saiz sampel kajian dalam kualitatif, namun kebiasaannya sampel kecil ; 1 hingga 7 orang sudah memadai bagi menepati kriteria persampelan (Ghazali Darusalam & Sufean Hussin, 2016). Bagi mendapatkan informan yang memenuhi kriteria persampelan, kajian ini telah menjalankan prosedur-prosuder mendapatkan kebenaran bertulis daripada informan, mendapatkan kebenaran dan kerelaan tanpa paksaan daripada informan serta mendapatkan persetujuan protokol temu bual. Saiz sampel dalam kajian ini adalah 3 informan ibu bapa yang menghantar anak-anak ke Tadika PASTI di daerah Marang, Terengganu. Sampel yang dipilih adalah dalam jumlah yang kecil dan bukan dipilih secara rawak, maka hasil kajian yang diperoleh dalam kajian ini bukan sahaja tidak representatif daripada populasinya tetapi juga tidak boleh digeneralisasikan kepada dapatan kajian di lokasi-lokasi lain.

Proses untuk mendapatkan data dengan menemui seseorang atau kumpulan kecil secara bersemuka serta melakukan soal jawab atau komunikasi dua hala yang bertujuan untuk meminta pandangan, pendapat dan pengakuan daripada seseorang dinamakan sebagai temu bual (Ghazali Darusalam & Sufean Hussin, 2016). Robson (2000) pula menyatakan bahawa temu bual merupakan satu bentuk perbualan yang mempunyai tujuan tertentu. Setiap penyelidik yang menggunakan kaedah temu bual pasti ingin memperoleh sesuatu daripada jawapan yang diberikan oleh responden. Kajian ini telah menjalankan temu bual terhadap 3 informan ibu bapa

yang menghantar anak-anak ke Tadika PASTI di daerah Marang, Terengganu. Temu bual yang digunakan di dalam kajian ini adalah temu bual tidak berstruktur iaitu beberapa topik dicatat tanpa susunan tertentu (tidak berstruktur) atau juga dikenali sebagai temu bual penerokaan iaitu dibuat secara soalan terbuka tanpa dibina terlebih dahulu, ditanya secara spontan dengan memberikan ruang kepada informan untuk memberikan respons atau jawapan. Jawapan yang diberikan oleh informan tidak terikat dengan sebarang jawapan pilihan.

Proses temu bual akan melalui dua fasa. Fasa pertama adalah sesi pengenalan dengan informan yang bertujuan untuk mengadakan hubungan rapat melalui perbualan umum berkaitan dengan latar belakang, minat, kerjaya dan hal-hal yang berkaitan dengan isu faktor ibu bapa menghantar anak-anak ke tadika swasta islamik untuk mengikuti prasekolah. Fasa kedua pula dilakukan pada hari yang berbeza dengan fasa yang pertama dan soalan yang dikemukakan adalah lebih fokus kepada isu faktor ibu bapa menghantar anak-anak ke Tadika PASTI untuk mengikuti prasekolah. Temu bual yang dilakukan telah direkodkan untuk memastikan segala maklumat dan dapatan temu bual tidak tertinggal. Rakaman dilakukan dengan menggunakan aplikasi perakam telefon bimbit. Temu bual diadakan secara perseorangan. Protokol temu bual yang dilakukan mengandungi aspek-aspek seperti tajuk, topik-topik, dan catatan. Dalam kajian ini, rakaman temu bual dan catatan nota lapangan telah diambil untuk mengambil isi-isi penting yang akan dipadankan dengan transkripsi temu bual.

Temu bual yang digunakan di dalam kajian ini adalah temu bual tidak berstruktur iaitu beberapa topik dicatat tanpa susunan tertentu (tidak berstruktur) atau juga dikenali sebagai temu bual penerokaan iaitu dibuat secara soalan terbuka tanpa dibina terlebih dahulu, ditanya secara spontan dengan memberikan ruang kepada informan untuk memberikan respons atau jawapan. Oleh itu, tiada senarai soalan khusus yang dibina kerana soalan-soalan akan diberikan secara spontan semasa perbualan berlangsung. Kaedah pengumpulan data yang digunakan di dalam kajian ini adalah kaedah nota lapangan. Penulisan nota lapangan dibuat secara berparagraf, menggunakan teknik landskap sebagaimana contoh yang berikut:

Jadual 1: Penulisan Nota Lapangan


Tema	Kategori	No. Baris	Pengekodan	Teks Transkrip	Kesimpulan / laporan

Langkah analisis data yang digunakan adalah sebagaimana yang berikut:

1. Semasa membaca dan meneliti teks transkrip; perkataan, frasa, ayat dan ungkapan yang memberi makna atau yang dikehendaki akan diwarnakan / digariskan / ditandakan.
2. Jenis-jenis pengekodan bagi setiap perkataan, frasa dan ayat penting yang bermakna akan ditentukan.
3. Perkataan, frasa dan ayat serta maksud-maksud penting dipindahkan ke dalam jadual.
4. Penelitian semula dibuat ke atas transkripsi asal jika terdapat maklumat-maklumat penting yang tertinggal.

Perancangan dan pengurusan data pula melalui tiga langkah iaitu mengurus data, memahami data, dan menganalisis data. Fasa pertama dalam proses penyaringan data dimulai dengan menulis transkripsi daripada rakaman yang diperoleh melalui audio-video kepada bentuk verbatim (ayat) semua informan kajian. Penyelidik telah melakukan sendiri proses menyiapkan penyalinan transkrip. Setelah selesai proses penyalinan transkripsi, setiap transkrip

yang telah lengkap ditulis dan dibuat indeks sama ada ditulis pada sebelah kiri atau kanan teks. Proses mengindeks transkrip dilakukan dengan melabelkan satu kod tersendiri kepada setiap informan kajian mengikut transkripsinya. Untuk memahami data, data temu bual yang telah dikumpulkan hendaklah difahami bagi memastikan data-data tersebut menjawab persoalan kajian sebagaimana proses yang berikut:



Rajah 1: Proses Memahami Data

Meriam (2001) menyatakan bahawa transkrip yang dibuat secara verbatim merupakan pangkalan data yang terbaik untuk dianalisis. Setelah penulisan transkrip temu bual disiapkan, transkripsi temu bual akan dihantar kepada informan bagi tujuan semakan kandungan. Proses yang dinamakan sebagai validiti atau kesahan kandungan ini adalah untuk memastikan tahap kesahan data yang diperoleh. Pembetulan dibuat antara informan dengan penyelidik sekiranya ada. Surat perakuan semakan juga akan disediakan. Seterusnya, setiap unit yang telah ditranskripsikan dipilih untuk dikelompokkan di bawah tema dan kategorinya yang terdapat subtema-subtema dan subkategori-subkategori tertentu dengan menggunakan kod-kod yang telah ditentukan. Proses membaca transkripsi dan memilih tema-tema tertentu diulang sehingga semua unit yang memberi makna telah habis dikelompokkan, manakala unit-unit yang tidak memberi makna disingkirkan.

Tema-tema dan subtema dikenal pasti melalui sorotan kajian lampau, bukti yang didapati dalam bidang yang dikaji serta melalui pengalaman penyelidik melalui pandangan informan dalam kajian ini. Semua maklumat yang diperoleh akan direkod dan dilabelkan secara sistematik. Grbich (2007) berpendapat bahawa data yang telah ditranskrip perlu ditanda dengan notasi utama berdasarkan *Jefferson System* untuk membolehkan data dibaca dan difahami melalui pertuturan informan sebagaimana contoh yang berikut:

### Jadual 2: Contoh Analisis Perbualan Menggunakan Jefferson System

Tpenyelidik	Maksud
><	Perkataan di antara tanda ini disebut pantas
(.)	Berhenti sekejap
(0.4) , (0.5)	Berhenti dalam tempoh tertentu
>>	Baca laju (Isi kurang penting)
<<	Baca perlahan (Isi penting)
Perkataan	Meninggikan / Menguatkan suara / intonasi
perkataan	Merendahkan / Memperlahangkan suara / intonasi
<u>Perkataan</u>	Perkataan yang disebut dengan kuat
PERKATAAN	Perkataan yang dijeritkan
(( ))	Bersin, batuk, menguap
( )	Istilah kabur
.emm	Tarik nafas
xxx	Istilah / perkataan yang tidak difahami

## Dapatkan Kajian

Berdasarkan temu bual, terdapat pelbagai faktor yang mendorong ibu bapa untuk menghantar anak ke prasekolah Tadika PASTI di daerah Marang, Terengganu. Tiga temubual yang telah dijalankan terhadap informan-informan menemukan hasil dapatan enam tema. Tema pertama ialah faktor pendidikan di awal usia. Dua daripada temubual yang dijalankan mendapati bahawa responden cenderung untuk memberikan pendidikan awal kepada anak mereka seawal usia empat tahun. Pemilihan Tadika PASTI bertepatan dengan hasrat mereka yang menginginkan anak-anak melalui proses pembelajaran di awal usia prasekolah. Satu daripada mereka yakin dengan pilihan itu kerana telah mengunjungi sendiri pihak pentadbiran PASTI terlebih dahulu bagi memastikan penerimaan ke atas murid yang berusia empat tahun. Kemudian, keputusan dibuat untuk menghantar anak ke Tadika PASTI yang berkenaan di daerah Marang. Manakala, satu daripada mereka mengetahui tentang pendidikan awal di PASTI melalui perbualan dengan rakan-rakan ibu bapa yang telah sedia ada menghantar anak ke prasekolah PASTI.

Tema yang kedua ialah faktor khidmat transit. Satu daripada temubual yang telah dijalankan memutuskan pemilihan pendidikan prasekolah di Tadika PASTI dibuat untuk anaknya adalah kerana perkhidmatan transit yang disediakan di Tadika PASTI tersebut. Walaupun terdapat banyak cawangan Tadika PASTI di Malaysia, namun bukan semua cawangan menyediakan perkhidmatan transit bagi murid-murid yang tidak dapat pulang ke rumah sebaik sahaja proses pengajaran dan pembelajaran tamat. Khidmat transit yang disediakan oleh Tadika PASTI daerah Marang merupakan alasan kukuh bagi menyokong keputusan yang dibuat untuk anak mereka kerana faktor komitmen ibu bapa berkerjaya. Mereka terpaksa akur dengan jadual yang dipersetujui iaitu menghantar anak seawal jam 7.00 pagi hingga 7.15 pagi dan mengambilnya pada jam 5.30 petang atau 6.00 petang tanpa mengira jumlah kos yuran tambahan yang perlu dibayar. Khidmat transit tersebut diperlukan kerana ibu bapa tidak mempunyai pilihan lain yang lebih baik untuk meninggalkan anak setelah tamat sesi persekolahan. Selain itu, ibu bapa tidak perlu tergegas dan terburu-buru mengejar waktu untuk mengambil anak di sekolah pada waktu tengah hari (waktu rehat di pejabat) yang hanya diperuntukkan satu jam sahaja oleh pihak majikan. Mereka berpendapat bahawa, masa yang ada lebih baik diisi dengan solat Zuhur dan makan tengah hari bagi mendapatkan tenaga untuk terus bekerja hingga ke petang.

Faktor khidmat nurseri adalah tema ketiga yang ditemui dalam hasil kajian ini. Dua daripada informan temubual memilih untuk menghantar anak ke prasekolah PASTI adalah

kerana faktor perkhidmatan nurseri yang disediakan. Mereka sememangnya dengan sengaja mencari pusat pendidikan yang memberikan khidmat pendidikan prasekolah dan nurseri sekaligus. Ini adalah bertujuan untuk menjimatkan masa dan jarak perjalanan menghantar anak-anak kerana dua atau tiga orang anak boleh diantar sekaligus ke tempat yang sama tanpa perlu mengatur perjalanan ke lokasi yang lain sebelum menuju ke tempat kerja. Ibu bapa tersebut memilih Tadika PASTI di daerah Marang kerana PASTI tersebut menyediakan perkhidmatan nurseri bagi bayi yang berusia 2 hingga 3 tahun. Kemudahan itu amat penting bagi mereka kerana dalam masa yang sama mereka perlu menghantar anak ke prasekolah juga. Jika mereka memilih tadika yang tidak menyediakan khidmat nurseri, maka pembaziran masa dan kos minyak kereta akan berlaku kerana perlu menuju ke dua tempat yang berbeza sebelum ke tenpat kerja. Walaupun terdapat banyak cawangan Tadika PASTI di seluruh Malaysia, namun tidak semua Tadika PASTI menyediakan perkhidmatan nurseri bagi anak-anak yang berumur 3 tahun dan ke bawah.

Tema yang keempat ialah faktor pendidikan Islamik. Ketiga-tiga ibu bapa yang ditemubual di daerah Marang memilih Tadika PASTI kerana pendidikan islamik yang disediakan untuk murid berusia empat hingga enam tahun. Pengetahuan ibu bapa tentang pendidikan islamik di PASTI itu didapati hasil daripada bincian yang dibuat sendiri oleh mereka dalam usaha menentukan kurikulum yang terbaik untuk anak-anak. Tadika PASTI yang dipilih di daerah Marang memulakan jam pembelajaran pada pukul 7.30 pagi dengan hafalan bacaan-bacaan di dalam solat secara beramai-ramai. Kemudian pada jam 8.30 hingga 10.00 pagi, murid-murid akan mengikuti kelas membaca Iqraa dan al-Quran di dalam kelas masing-masing. Pendidikan ahklah Islamiah juga dijadikan sebagai satu mata pelajaran yang wajib diikuti oleh semua murid berdasarkan jadual masing-masing. Selain itu, murid-murid diwajibkan untuk menghafal doa-doamalan harian sehingga lancar.

Manakala, tema kelima yang dikenal pasti ialah faktor guru berpengalaman. Seorang daripada informan yang ditemubual berpendapat bahawa guru-guru di Tadika PASTI di daerah Marang adalah berpengalaman dalam mendidik serta mengajar murid-murid prasekolah. Pendapat itu dikemukakan oleh ibu bapa tersebut berdasarkan pengalaman lepas mereka melalui pemerhatian yang dilakukan kerana Tadika PASTI tersebut terletak berhampiran dengan kediamannya. Informan tersebut membuat permerhatian setiap hari tentang pendekatan dan kemahiran yang digunakan oleh guru-guru PASTI dalam menarik minat murid-murid untuk bersemangat datang ke sekolah dan mengikuti pembelajaran di dalam kelas. Situasi yang biasa diperhatikan adalah apabila guru-guru berjaya memujuk anak-anak yang menangis enggan membiarkan ibu bapa mereka pulang ke rumah atau mahu mengikut ibu bapa pulang semula ke rumah setelah sampai di tadika. Selain itu, responden memerhatikan cara guru-guru tersebut mengendalikan dan mengawal dengan baik murid-murid prasekolah yang ramai ketika menjalankan aktiviti di luar kelas.

Tema yang terakhir ialah faktor yuran berpatutan. Dua daripada informan yang ditemubual berpendapat bahawa yuran yang dikenakan oleh Tadika PASTI adalah berpatutan. Tadika PASTI berkenaan mengenakan yuran prasekolah sebanyak RM75 sebulan dan yuran transit adalah RM2 bagi setiap satu jam. Ibu bapa hanya membayar yuran transit mengikut jumlah jam yang telah direkodkan. Manakala bagi perkhidmatan nurseri, yuran yang dikenakan adalah sebanyak RM180 sebulan. Menurut informan-informan tersebut, bincian yuran telah dibuat di beberapa Tadika PASTI, namun kadar yuran yang dikenakan adalah berbeza-beza sama ada yuran prasekolah, yuran perkhidmatan transit atau yuran perkhidmatan nurseri bagi bayi yang berumur 2 hingga 3 tahun. Malah, mereka juga turut mendapati bahawa kos yuran di Tadika PASTI di negeri-negeri lain juga adalah berbeza.

## Perbincangan

Objektif kepada kajian yang dijalankan ini adalah mengenal pasti faktor pemilihan tadika swasta Islamik oleh ibu bapa di daerah Marang, Terengganu untuk memenuhi keperluan pendidikan prasekolah anak-anak. Dapatan kajian ini mendedahkan secara langsung tentang faktor-faktor tersebut, seterusnya menunjukkan kepentingan kajian ini terhadap pihak-pihak. Antaranya ialah kepentingan kajian kepada ibu bapa. Dari segi faedah kepada golongan ibu bapa, kajian ini boleh membantu memberikan ilmu pengetahuan berkenaan tadika Islamik berdasarkan pengalaman-pengalaman responden di dalam kajian ini. Input yang didapati boleh dijadikan panduan dan pertimbangan ibu bapa dalam usaha membuat pilihan dalam menentukan program prasekolah untuk anak-anak.

Dari sudut kepentingan kajian kepada guru tadika swasta islamik dan guru pendidikan prasekolah pula, guru-guru tadika swasta islamik khususnya, dan guru pendidikan prasekolah yang lain amnya, dapatan kajian ini membantu untuk meningkatkan lagi prestasi pengajaran dan kemahiran di dalam menghadapi kerentahan anak-anak prasekolah. Dari segi literatur, kajian ini akan dapat menambahkan lagi sumber literatur kepada pengkaji-pengkaji yang akan datang dalam kajian yang melibatkan pemilihan prasekolah dalam kalangan ibu bapa. Kepelbagaiannya institusi prasekolah menyebabkan ibu bapa perlu untuk membuat pilihan yang terbaik dan bijak untuk anak-anak mereka. Kajian ini telah mengumpulkan maklumat-maklumat mengenai faktor pemilihan tadika prasekolah ibu bapa khususnya bagi ibu bapa yang mementingkan pendidikan prasekolah Islam untuk dihadapi oleh anak-anak. Hasil kajian telah memaparkan tema-tema yang diperoleh berdasarkan temu bual yang dibuat. Tema-tema tersebut mungkin boleh mencetuskan kecenderungan ibu bapa untuk memilih prasekolah bagi anak-anak mereka. Hasil kajian ini juga boleh menambahkan maklumat kepada mereka mengenai kelebihan-kelebihan tadika prasekolah melalui senarai tema yang wujud iaitu ; faktor pendidikan di awal usia, khidmat transit, khidmat nurseri, pendidikan Islamik, guru berpengalaman dan yuran yang berpatutan.

Para pengkaji di dalam bidang prasekolah pada masa akan datang semestinya memerlukan rujukan-rujukan terkini bagi membantu untuk melengkapkan kajian dalam bidang masing-masing. Justeru, kajian ini diharapkan dapat membantu memenuhi kosa ilmu dari segi faktor pemilihan prasekolah oleh ibu bapa, kepelbagaiannya tadika-tadika prasekolah yang terdapat di Malaysia, kelebihan-kelebihan prasekolah khususnya prasekolah yang bercirikan islamik di Malaysia dan lain-lain lagi. Enam tema yang telah didapati daripada kajian ini mencapai objektif kajian yang memfokuskan kepada faktor pemilihan tadika swasta Islamik oleh ibu bapa di daerah Marang, Terengganu dalam usaha memenuhi keperluan pendidikan prasekolah anak-anak. Dalam kajian yang dilakukan oleh Barbarin pada 2006, faktor keselesaan seperti waktu persekolahan, lokasi, pengangkutan dan kos sering disebut oleh ibu bapa sebagai pertimbangan utama untuk menjagaan anak dan prasekolah sebagai hasil dapatan kajian tersebut. Tema waktu persekolahan yang dalam kajian tersebut menghampiri hasil kajian ini apabila ibu bapa memilih khidmat transit kerana mahukan waktu persekolahan anak-anak bersamaan dengan waktu pulang mereka dari tempat kerja. Faktor lokasi kajian juga berkait rapat dalam konteks ibu bapa yang memilih lokasi yang sama bagi menghantar anak-anak untuk perkhidmatan nurseri, prasekolah dan transit sekaligus dalam masa yang sama. Secara tidak langsung isu waktu persekolahan dan lokasi yang didapati di dalam kajian ini telah sekaligus menyelesaikan masalah faktor pengangkutan dan kos jika anak-anak dihantar ke pusat prasekolah yang mempunyai waktu persekolahan yang tidak diharapkan serta isu kos juga akan menjadi masalah jika anak-anak dihantar ke dua lokasi atau lebih bagi program yang berbeza iaitu nurseri, prasekolah dan transit.

Hasil penyelidikan Early & Burchinal (2001) juga menunjukkan bahawa keluarga berpendapatan rendah lebih cenderung untuk mempertimbangkan aspek penjagaan yang mempengaruhi kehidupan harian seperti kos, lokasi, bilangan jam yang dikaitkan dengan ciri-ciri perkembangan anak positif. Kajian Johansen et al. (1996) menyatakan bahawa ibu bapa yang menghargai faktor kemudahan adalah lebih cenderung untuk memilih penjagaan di rumah. Penjagaan daripada keluarga atau mungkin dilihat sebagai lebih fleksibel dan mudah berbanding pusat penjagaan formal. Namun, dalam kajian ini ibu bapa yang ditemubual tidak mampu untuk memilih penjagaan anak-anak di rumah kerana terlibat di dalam komitmen pekerjaan. Justeru itu, tema khidmat transit dan nurseri telah menonjol sebagai hasil kajian yang dilakukan di daerah Marang, Terengganu ini.

Kajian Pianta (2009) mendapatkan bahawa, dari segi penjagaan yang praktikal, ibu bapa juga memetik pelbagai aspek penjagaan pendidikan yang bervariasi dari dasar sekolah khusus untuk keperluan yang lebih amorf terutamanya tentang ciri-ciri keperibadian guru tadika tersebut. Penunjuk struktur adalah satu set pertimbangan programatik yang dikaitkan dengan kualiti program dan peningkatan pencapaian kanak-kanak. Penunjuk ini menerangkan faktor-faktor yang jelas mengenai organisasi program, pengurusan dan latihan yang mewujudkan persekitaran pembelajaran yang menyokong kanak-kanak. Faktor-faktor tersebut adalah nisbah guru dengan anak, kepakaran latihan dalam kalangan guru serta aspek kesihatan dan keselamatan. Faktor-faktor tersebut telah dinyatakan oleh ibu bapa ketika menerangkan program-program prasekolah yang berkualiti yang dipilih untuk anak-anak mereka (Johansen et al., 1996). Kajian di daerah Marang, Terengganu pula menemukan tema guru yang berpengalaman sebagai faktor yang mempengaruhi ibu bapa untuk memilih tadika prasekolah Islamik. Sebagaimana dapatan kajian, ibu bapa merasakan bahawa guru-guru tersebut mampu mengendalikan suasana pembelajaran di luar kelas dengan baik berdasarkan pemerhatian yang dilakukan oleh mereka. Ini jelas berkait dengan kemungkinan strategi pihak tadika tersebut dalam memberikan latihan kepada guru-guru bagi mewujudkan persekitaran pembelajaran yang menyokong kanak-kanak.

## Implikasi Kajian

Kualiti tadika bukan sahaja terletak kepada kemampuan mendidik murid-murid dengan berkesan tetapi juga mampu menterjemahkan hasrat kurikulum yang digariskan secara praktikal. Kualiti yang dimaksudkan di peringkat pendidikan awal kanak-kanak mencakupi keberkesanan, kecekapan dan kualiti perkhidmatan yang ditawarkan dalam aspek yang berkaitan dengan pembelajaran, pengajaran dan kemudahan yang diperlukan oleh ibu bapa dan juga murid-murid dalam persekitaran pembelajaran (Workman & Utrich, 2017). Maka, wajarlah ibu bapa memilih prasekolah yang terbaik untuk diikuti oleh anak-anak mereka. Namun, kajian yang dijalankan ini hanya memfokuskan tadika prasekolah Islamik di daerah Marang, Terengganu sahaja. Oleh itu, hasil dapatan kajian ini tidak boleh digeneralisasikan secara keseluruhan bagi tadika-tadika prasekolah dan kawasan-kawasan yang lain.

Limitasi di dalam kajian ini hanya memfokuskan responden ibu bapa dan tadika prasekolah Islamik sahaja. Antara fokus kajian akan datang yang dicadangkan ialah mengenal pasti perspektif guru-guru atau pentadbir di tadika prasekolah tadika swasta Islamik tentang faktor pemilihan prasekolah oleh ibu bapa. Guru-guru prasekolah atau pentadbir mungkin mempunyai pelbagai pengalaman melalui pemerhatian sepanjang menghadapi keranah-kerenah ibu bapa dan murid prasekolah di tadika. Berdasarkan pengalaman dan pemerhatian, mereka mungkin telah menemui pelbagai karakter ibu bapa dalam usaha memilih tadika prasekolah yang sepatutnya serta terbaik untuk anak-anak mereka. Hasil temu bual yang dijalankan bersama guru-guru akan menunjukkan pandangan mereka tentang faktor pemilihan tadika prasekolah oleh ibu bapa terutamanya pendidikan prasekolah islamik. Pendapat mereka juga

relevan untuk diambil kira sebagai perspektif yang boleh dijadikan rujukan bagi kajian-kajian masa hadapan. Input ini akan memberi nilai tambah kepada pengkaji-pengkaji di dalam bidang prasekolah yang akan datang untuk melengkapkan kajian mereka di dalam tajuk-tajuk yang berkaitan. Selain itu, kajian yang akan datang boleh memberikan fokus yang berbeza dengan tadika Islamik iaitu kajian faktor pemilihan tadika prasekolah swasta yang menekan penggunaan Bahasa Inggeris sebagai bahasa penghantar oleh ibu bapa serta implikasinya kepada anak-anak prasekolah itu sendiri, ibu bapa dan pihak-pihak lain yang berkaitan.

## Kesimpulan

Alam persekitaran kanak-kanak yang mengikuti prasekolah merangkumi keadaan sekeliling dan rumah tangga yang menjadi faktor utama dalam memupuk serta mendorong perkembangan kanak-kanak secara menyeluruh dan seimbang. Bagi mencapai maksud perkembangan yang menyeluruh dan seimbang tersebut, ibu bapa bertanggungjawab untuk menghantar anak-anak yang berumur empat hingga enam tahun ke prasekolah pilihan yang merangkumi jaminan keselesaan, keselamatan dan penuh kasih sayang. Namun begitu, terdapat pelbagai faktor oleh ibu bapa dalam aspek pemilihan tadika untuk anak-anak. Faktor pemilihan tadika oleh ibu bapa pada hari ini juga mengambil kira kemudahan logistik, kos yuran yang murah, kemudahan transit dan sebagainya. Bagi memastikan pemilihan tadika untuk anak-anak menepati kehendak ibu bapa, mengenakan kos yuran yang berpatutan dan memberi kemudahan ke pada ibu bapa untuk menghantarnya, ibu bapa perlu membuat pertimbangan terhadap tadika yang akan dipilih.

## Rujukan

- Abdul Hamid, Ahmad. 2017. *Handbook of Islamic Education*. Springer International Publishing AG.
- Ahmad Puhad Alim & Norliza Abdul Manaf. 2014. Jurnal UTHM. Kaedah Pengajaran Guru Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI) Kawasan Bachok.
- Azizi Yahya. 2018. Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Ibu Bapa Menghantar Anak-Anak Mereka Ke Prasekolah Swasta Di Daerah Skudai, Johor Bahru. Universiti Malaysia Sabah.
- Barbarin, O. A., Early, D., Clifford, R., Bryant, D., Frome, P., Burchinal, M., et al. 2008. Parental Conceptions Of School Readiness: Relation To Ethnicity, Socioeconomic Status, And Children's Skills. *Early Education And Development*. 5: 671-701.
- Barbarin, O. A., McCandies, T., Early, D., Clifford, R. M., Bryant, D., Burchinal, M., et al. 2006. Quality of Prekindergarten: What Families Are Looking For In Public Sponsored Programs. *Early Education And Development*. 4: 619-642.
- Bruckman, M., & Blanton, P. W. 2003. *Early Childhood Education Journal*. Welfare-to-Work Single Mothers' Perspectives On Parent Involvement In Head Start: Implications For Parent And Teacher Collaboration. 30: 145.
- Creswell J.W. 2005. *Research Design: Qualitative And Quantitative Approaches*. London. UK: Sage.
- Early, D. M., & Burchinal, M. R. 2001. Early Childhood Care: Relations With Family Characteristics And Preferred Care Characteristics. *Early Childhood Research Quarterly*. 16: 475-497.
- Gamble, W. C., Ewing, A. R., & Wilhlem, M. S. 2009. *Journal Of Child And Family Studies*. Parental Perceptions Of Characteristics Of Non-Parental Child Care: Belief Dimensions, Family And Child Correlates. 18: 70 - 82.

- Ghazali Darusalam & Sufean Hussin. 2016. Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan. Penerbit University Malaya. Kuala Lumpur.
- Grbich, C. 2007. Qualitative Data Analysis: An Introduction. London: Thousand Oaks, California: Sage.
- Hirshberg, D., Huang, D. S.-C., & Fuller, B. 2005. *Children And Youth Services Review*. Which Low-Income Parents Select Child-Care? Family Demand And Neighborhood Organizations. 27: 1119- 1148.
- Johansen, A. S., Leibowitz, A., & Waite, L. J. 1996. *Journal Of Marriage & The Family*. The Importance Of Child Care Characteristics To Choice Of Care. 58: 759-772.
- Kathryn Eileen Grogan. 2011. Parents' Choice Of Pre-Kindergarten: A Transactional Ecological Approach . Georgia State University.
- Lowe, E. D., & Weisner, T. S. 2004. *Children And Youth Services Review*. 'You Have To Push It-Who's Gonna Raise Your Kids?': Situating Child Care And Child Care Subsidy Use In The Daily Routines Of Lower Income Families. 26: 143-171.
- Marhamah binti Abdul Rahman, Mohd Nazri Abdul Rahman, Nurul Hanani binti Zakaria. 2019. Jurnal Kepimpinan Pendidikan. Pengetahuan Ibu Bapa Tentang Pengurusan Kurikulum Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI) 6: 71 – 81.
- Marohaini Yusoff. 2001. Penyelidikan Kualitatif, Pengalaman Kerja Lapangan Kajian. Kuala Lumpur Penerbit Universiti Malaya.
- Micheal F. Shaughnessy. 2012. Handbook of Early Childhood Education, Edition: First, Chapter: The Importance of Early Childhood Education. Publisher: Nova.
- Mile & Huberman.1994. Qualitative Data Analysis: A Sourcebook Of New Methods. Baverly Hill: Sage Publication.
- Mustafa, Lily Muliana & M.N.A, Azman. 2013. American Journal of Economics. *Preschool Education in Malaysia: Emerging Trends and Implications for the Future*. 3: 347-351.
- Normadiah Bt Abdullah. 1998. Amalan Pengajaran Guru Prasekolah: Satu Kajian Kes Perbandingan Antara Tadika Islam dan Tadika Swasta. Fakulti Pendidikan. Universiti Malaya.
- Patton, Q.M 1990. Qualitative Evaluation Methods. Baverly Hill, California: Sage Publication
- Pianta, R., Barnett, W. S., Burchinal, M., & Thornburg, K. R. 2009. *Psychological Science In The Public Interest*. The Effects Of Preschool Education: What We Know, How Public Policy Is Or Is Not Aligned With The Evidence Base, And What We Need To Know. 10: 49 - 88.
- Rosmah Abd. Ghani. 2017. Pelaksanaan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan oleh Guru Prasekolah. Kuala Lumpur. Penerbit Universiti Malaya.
- Safiek Mokhlis. 2019. Malaysian Online Journal of Education. *Pemupukan Kreativiti Kanak-Kanak: Kajian Kes Amalan Pengajaran Kreativiti Di Sebuah Tadika Islam*. 3: 34-48.
- Sameroff, A. J. 2009. Designs For Transactional Research. In A. J. Sameroff (Ed.), *The Transactional Model Of Development: How Children And Contexts Shape Each Other*. Washington, DC: American Psychological Association. 23 -32.
- Sameroff, A. J., & Fiese, B. H. 2000. Models Of Development And Developmental Risk. In C. H. Zeanah (Ed.), *Handbook Of Infant Mental Health* (2nd Ed.). New York, NY: The Guilford Press.
- Shlay, A. B., Tran, H., Weinraub, M., & Harmon, M. 2005. *Early Childhood Research Quarterly*. Teasing Apart The Child Care Conundrum: A Factorial Survey Analysis Of Perceptions Of Child Care Quality, Fair Market Price And Willingness To Pay By Low-Income, African American Parents. 20: 393- 416.
- Sofiah Mohamed, Kamarul Azmi Jasmi and Akmaliza Abdullah. 2019. *Teaching and Learning of Islamic Education Preschool Teachers In The Classroom: A Preliminary Study*.

Workman, S. & Ullrich, R. 2017. Quality 101: Identifying The Core Components Of A High-Quality Early Childhood Program. Center For American Progress.